



bagi aktiviti pembalakan untuk mendapatkan pensijilan pengurusan hutan selewat-lewatnya pada Julai 2017.

Ketua Menteri menegaskan bahawa beliau tidak akan berkompromi dalam dasar ini dan sekiranya pelesen-pelesen berkenaan tidak berjaya mendapat pensijilan pengurusan hutan, Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan tegas untuk membatalkan lesen mereka.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri tidak akan mengeluarkan lesen pembalakan yang baharu sebagai satu langkah untuk memastikan sumbangan alam sekitar yang ada akan dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Sebagai usaha untuk menjamin integriti sumber asli dan alam sekitar negeri ini terus terpelihara, beliau akan "berperang" habis-habisan terhadap kegiatan pembalakan haram.

Kerajaan Negeri telah meminda Ordinan Hutan dengan memberi penekanan terhadap hukuman yang lebih berat untuk kegiatan ini.

Sejak beliau mengambil alih kepimpinan negeri pada tahun 2014, sebanyak 241 kes pembalakan haram telah dikesan dengan 90,873 meter padu balak dirampas.

Jumlah tersebut telah menurun kepada 208 kes dengan rampasan balak sebanyak 47,060 meter padu pada tahun 2015.

Kejayaan ini adalah kesan daripada tindakan yang berterusan dan strategi lautan biru penguatkuasaan jabatan dan agensi yang berkaitan. Justeru, tindakan ini akan diteruskan hingga ke akar umbi untuk mencapai *Zero Illegal Logging* di Sarawak.

Sehubungan itu, Ketua Menteri memaklumkan bahawa projek *Research for Intensified Management of Bio-rich Areas* (RIMBA) telah dilancarkan pada tahun lepas.

Projek tersebut dijadikan landasan bagi kerjasama penyelidikan antarabangsa untuk mewujudkan pembangunan intensif dan amalan prosedur pengurusan pemuliharaan bagi kawasan yang kaya-bio.

Ini sesungguhnya membuktikan komitmen negeri Sarawak kepada komuniti antarabangsa dengan membenarkan penyelidik antarabangsa menjadikan hutannya medan penyelidikan.

Selaras dengan tema tahun ini, beliau berharap komuniti korporat khasnya sektor perkilangan perlu lebih proaktif menjalankan operasi dengan penggunaan teknologi bersih (*cleaner technology*) dan menerapkan elemen pengeluaran bersih (*cleaner production*) dalam penghasilan produk.

Ini bertujuan untuk mengurangkan pencemaran terhadap alam sekitar termasuk pemanasan global malah usaha-usaha yang sedemikian secara tidak langsung akan membantu dalam penjenamaan produk mesra alam yang lebih kompetitif dan berpotensi serta berdaya saing di pasaran luar negara.

Beliau menegaskan kejayaan memulihara alam sekitar memerlukan

kerjasama sepadu daripada setiap lapisan masyarakat.

Justeru, adalah menjadi harapan beliau supaya tumpuan berterusan diberi kepada usaha meningkatkan kesedaran dan komitmen masyarakat bagi mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari atau *sustainable development*, lebih-lebih lagi di kalangan generasi muda yang menjadi pewaris alam sekitar negara.

Setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan membentuk sinergi untuk melindungi alam sekitar.

Beliau menggalak segenap masyarakat terlibat dengan proaktif dan bertindak sebagai "mata dan telinga" Kerajaan dalam membantu serta memudah cara agensi-agensi berwajib memantau aktiviti pencemaran dan menguruskan sumber asli negara dengan lebih cekap.

Sementara itu, di majlis tersebut, beliau turut menyampaikan Anugerah Langkawi untuk tahun 2015/2016 yang merupakan penghargaan dan penghormatan tertinggi Negara kepada individu dan organisasi yang memberi sumbangan signifikan dalam bidang pengurusan alam sekitar.

Dengan penganugerahan tersebut, beliau berharap ia akan terus menyuntik semangat dan memotivasikan lebih ramai individu dan organisasi untuk menyumbang ke arah pengurusan alam sekitar dan kemampanan sumber asli negara.

